



## **NEGERI SABAH**

JPAN:PK (S) 100-4/3/(131)

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 8/2010**

#### **PEMANSUHAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2010, rujukan JPA. BK.(S) 241/82/1 Jld.3(16) bertarikh 30 November 2010.

#### **LATAR BELAKANG**

2. PTK telah diperkenalkan dalam Sistem Saraan Malaysia mulai 1 November 2002 bertujuan menggalakkan pembangunan diri pegawai perkhidmatan awam melalui pembelajaran berterusan, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi. PTK telah dimantapkan pada 2005 dan dibuat pengubahsuaian pada 2008.

3. Dalam Pembentangan Bajet 2011, Kerajaan telah memutuskan supaya PTK dimansuh dan digantikan dengan sistem penilaian yang lebih sesuai dan diterima baik oleh pegawai awam menjelang Jun 2011.

#### **PELAKSANAAN**

4. Selaras dengan keputusan ini, pelaksanaan PTK hendaklah dihentikan pada 1 Januari 2011. Ketetapan ini dibuat setelah mengambil kira pegawai yang menduduki PTK pada tahun 2010 dan sebelumnya untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji pada tahun 2011 setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

5. Sehubungan dengan itu, sehingga penilaian baru diperkenalkan, PTK tidak lagi menjadi syarat kenaikan pangkat mulai 1 Januari 2011.

6. Sekiranya masih terdapat keputusan PTK yang belum selesai selepas tarikh berkuatkuasanya pekeliling ini, Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) yang berkenaan diberi kuasa untuk mempertimbang dan mengesahkan keputusan PTK berkaitan. Urusan berkenaan hendaklah diselesaikan sebelum 1 Jun 2011.

#### **PINDAAN**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersama dengan perenggan 52 dan 53, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, rujukan JPA(S)71/3 Klt.2(3) bertarikh 20 Ogos 2002 mengenai syarat anjakan gaji dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 bertarikh 10 Jun 2005 mengenai pelaksanaan integrasi modul Kenegaraan dalam kursus induksi.

#### **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 4 hingga 9 mengenai dasar PTK dan perenggan 65 mengenai syarat lulus PTK bagi tujuan kenaikan pangkat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002; elemen PTK yang diperuntukkan sebagai syarat kenaikan pangkat dalam semua skim perkhidmatan; Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 6 Tahun 2003 bertarikh 19 September 2003 mengenai pelaksanaan Kursus Kenegaraan di bawah PTK, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 rujukan JPA(S)(K)241/82/1 Klt.2(3) bertarikh 5 Disember 2008 kecuali perenggan 55, 56(f), 57, 58(e), 59 dan 60(e) mengenai keanggotaan dan bidang kuasa LPK untuk mempertimbang dan mengesahkan keputusan PTK serta Surat Edaran JPA.BK(S)241/82/1 Jld.3(1) bertarikh 29 Mac 2010 mengenai pelaksanaan kaedah Pusat Penilaian Khas, adalah dibatalkan.

#### **TARIKH KUATKUASA**

9. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011.

## PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**( SUKARTI BIN WAKIMAN )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Jabatan Ketua Menteri  
88817 KOTA KINABALU

Tarikh : 30 Disember 2010

Diedarkan kepada :  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil